

TEKS UCAPAN
Y.B TUAN HAJI FADILLAH YUSOF
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
SEMPENA
MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM
ENGINEERING INVENTION & INNOVATION EXHIBITION
(ENVEX) 2010
DI DEWAN SJKC KHOON AIK, KANGAR, PERLIS
PADA 4 APRIL 2010 (AHAD)

Bismillahirrahmanirrahim,

Y. Bhg. Brigedier Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin
Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP),

Y. Bhg. Prof. Dr. Sazali Yaacob,
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP,

Y. Bhg. Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Pegawai-Pegawai Utama,

Dekan-Dekan dan Ketua-Ketua Jabatan,

Wakil-wakil dari Institusi Pengajian Tinggi Dalam dan Luar Negara,

Wakil-wakil media, peserta-peserta ENVEX 2010,

Mahasiswa/i Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan seterusnya tuan-tuan, puan-puan para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera Dan Salam 1 Malaysia.

Alhamdulillah bersyukur kita panjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya maka kita dapat bersama-sama berada di dalam dewan ini bagi menjayakan Majlis Penutup Program Engineering Invention & Innovation Exhibition (ENVEX) 2010 pada petang yang sejahtera ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya kepada pihak Jawatankuasa Penganjur, UniMAP terutamanya Y. Bhg. Brigedier Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP di atas kesudian mengundang saya untuk bersama-sama dalam majlis yang bermakna ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada UniMAP dan Ahli Jawatankuasa Penganjur di atas komitmen dan usaha yang telah dipamerkan dalam memastikan program ENVEX 2010 ini terlaksana dengan jayanya. Saya percaya program ENVEX 2010 yang berlangsung selama dua hari, bermula dari 3 dan 4 April 2010 ini merupakan satu inisiatif murni dari pihak UniMAP untuk mengalakkan dan mendedahkan para pelajar di UniMAP amnya dan mahasiswa/i Institusi Pengajian Tinggi khususnya tentang kepentingan penyelidikan dan inovasi.

Saya juga percaya melalui program sebegini ianya mampu untuk memberikan ruang kepada para mahasiswa/i dan pencipta untuk mengetengahkan hasil-hasil penciptaan dan inovasi mereka.

Tuan-Tuan, Puan-Puan, Para hadirin sekalian,

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan bahawa tahun 2010 sebagai Tahun Inovasi dan Kreativiti dan dikenali sebagai Malaysia Inovatif 2010. Penganjuran Program Malaysia Inovatif 2010 ini adalah sejajar dengan hasrat yang telah digariskan oleh Y.A.B Perdana Menteri, yang mahukan perubahan dilakukan melalui Inovasi secara menyeluruh bagi memacu ekonomi Negara ke satu tahap yang lebih kukuh dan berdaya saing tinggi.

Melalui Program Malaysia Inovatif 2010 ini, berbagai program telah disusun dengan matlamat untuk menyedarkan masyarakat Malaysia terutamanya generasi muda dan akar umbi mengenai pentingnya inovasi dan kreativiti, dan seterusnya menjadi harapan agar dapat membudayakannya sebagai amalan seharian. Ini adalah bertepatan dengan konsep 1Malaysia, di mana setiap anak Malaysia adalah modal insan berpotensi yang penting kepada sesebuah Negara. Oleh itu, pemupukan budaya kreativiti dan inovasi ini perlu diterapkan supaya mereka dapat mengoptimalkan potensi masing-masing ke arah menyumbang dalam pembangunan Negara.

Dalam usaha untuk menggerakkan Program Malaysia Inovatif 2010 seperti yang telah diilhamkan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menerima mandat untuk menjadi sebagai peneraju utama dalam menjayakan program-program yang telah diatur. MOSTI merupakan salah satu kementerian yang turut memikul tanggungjawab besar dalam menentukan hala tuju Negara dan merealisasikan usaha menyuburkan budaya Inovatif dan Kreativiti di kalangan masyarakat.

Selain daripada MOSTI berkerjasama dengan Kementerian-Kementerian dan Rakan-Rakan Inovatif lain dalam menjayakan program-program Malaysia Inovatif 2010, MOSTI juga turut mengalu-alukan dan menggalakkan penglibatan yang menyeluruh daripada Institusi-Institusi Penyelidikan dan Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta untuk sama-sama menganjurkan program-program berbentuk inovasi dan kreativiti.

Tuan-Tuan, Puan-Puan, Para hadirin sekalian,

Saya melihat program-program sebegini perlu dibanyakkan lagi penganjurannya bagi menyahut hasrat dan matlamat untuk menyuburkan budaya inovasi dan kreativiti dalam generasi muda dan masyarakat Negara yang amat kita cintai ini.

Sehubungan dengan itu, saya melihat penganjuran program Engineering Invention And Innovation Exhibition (ENVEX) 2010 yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ini merupakan satu program yang mendukung hasrat kerajaan dalam

menjayakan program Malaysia Inovatif 2010. Saya percaya melalui program ENVEX 2010 ini, berupaya dijadikan sebagai satu medium dalam usaha untuk menyuburkan Budaya Inovasi dan Kreativiti di kalangan penuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di Negara ini. Syabas saya ucapkan kepada UniMAP kerana telah berjaya melaksanakan dan menjayakan program yang cukup baik sebegini.

Saya difahamkan penyertaan untuk program ENVEX 2010 ini, telah menerima sambutan yang cukup baik dengan sebanyak lebih 120 penyertaan telah diterima. Saya turut difahamkan bahawa penyertaan yang diterima bukan sahaja melibatkan penyertaan dari dalam UniMAP tetapi juga penyertaan dari Institusi-institusi Pengajian Tinggi yang lain terutamanya di bahagian Utara Negara seperti Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra, Kedah; Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Kedah dan Perak, dan Universiti Teknologi Petronas (UTP). Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) turut sama mempamerkan produk-produk hasilan penyelidikan masing-masing dalam ENVEX 2010 kali ini.

Sekali lagi syabas dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh jawatankuasa yang telah berupaya mengumpulkan sebegini banyak produk untuk dipamerkan dan dipertandingkan.

Tuan-Tuan, Puan-Puan, Para hadirin sekalian,

Di sini, ingin rasanya saya menarik minat semua para hadirin mengenai jumlah penyertaan dan produk yang dipamerkan dan dipertandingan dalam ENVEX 2010 kali ini, satu rumusan yang mampu dibuat adalah jumlah tersebut menggambarkan kemampuan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi dalam menggalakkan budaya penyelidikan, inovasi dan kreativiti di kalangan mahasiswa/i di institusi masing-masing. Di Institusi Pengajian Tinggi merupakan gedung yang sarat dengan ilmu, dengan penggalakkan program-program sebegini lebih banyak ruang akan diberikan kepada para mahasiswa/i dalam menjalankan penyelidikan yang seterusnya menyuburkan budaya inovasi dan kreativiti.

Sebelum saya mengakhiri ucapan pada petang ini, sukacita saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan sekalung tahniah kepada pemenang-pemenang yang bakal diumumkan sebentar nanti. Semoga hasil ciptaan inovasi dan kreativiti yang tersebut akan memberikan manfaat yang sebaiknya kepada masyarakat dan Negara. Kepada yang tidak berjaya diharapkan kepada semua agar tidak berputus asa dan berhenti di tahap ini sahaja. Teruskanlah budaya penciptaan, inovasi dan kreativiti yang sedia ada.

Kepada pihak pengurusan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Jawatankuasa pelaksana ENVEX 2010 teruskanlah usaha murni ini. Semoga dalam program ENVEX pada tahun-tahun yang akan datang kelak lebih banyak produk lagi akan dapat dipamerkan dan dipertandingkan. Semoga dengan usaha murni dan kerjasama yang erat sebegini akan dapat diteruskan bagi memenuhi hasrat untuk

menyuburkan budaya Inovasi dan Kreativiti di kalangan generasi muda khasnya penuntut-penuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta dapat memastikan matlamat dalam memacu kejayaan Negara dalam bidang sains, teknologi dan inovasi akan tercapai.

Dengan lafaz “BISMILLAHIRAHMANNIRAHHIM” saya dengan ini merasmikan Majlis Penutup Program Engineering *Invention & Innovation Exhibition* (ENVEX) 2010.

**AYAM HUTAN BERLARI-LARI,
BERLARI-LARI PENUH AGRESIF,
ENVEX 2010 PENCETUS INOVASI,
MELAHIRKAN GRADUAN BERDAYA KREATIF,**

Akhir kata saya sudahi dengan,

Wabillahitaufik, Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.